

FAKTOR KEDATANGAN JEPUN KE NEGARA KITA



Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.

EKSPLOITASI SUMBER BAHAN MENTAH

- Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah untuk keperluan perindustrian dan operasi ketenteraan Jepun.
- Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.
- Sasaran utama Jepun di Sarawak ialah sumber minyak terutama di Miri dan Lutong.
- Pendudukan Jepun di negara kita merupakan sebahagian daripada rancangan Jepun untuk menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya demi mengukuhkan ekonomi Jepun.

KEPENTINGAN STRATEGIK KETENTERAAN

- Kedudukan negara kita sesuai untuk kepentingan strategik ketenteraan Jepun.
- Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura.
- Penguasaan terhadap Singapura penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.
- Penguasaan terhadap Pulau Borneo penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

Jepun menggunakan propaganda seperti penggunaan slogan “**Semangat Asia**” dan “**Asia untuk Orang Asia**” untuk menjayakan misi pendudukan Jepun. Propaganda Jepun membangkitkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia.

